

Pengetahuan Guru Prasekolah Mengenai Murid Berkeperluan Pendidikan Khas

(*Knowledge of Preschool Teachers About Pupils with Special Educational Needs*)

Nur Haziqah Husin^{1*}, Suziyani Mohamed¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p117413@siswa.ukm.edu.my

Received: 27 January 2024 | Accepted: 15 March 2024 | Published: 31 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.35>

Abstrak: Pendidikan prasekolah merupakan pendidikan asas untuk semua individu termasuk murid-murid berkeperluan pendidikan khas. Oleh itu, pengetahuan guru prasekolah merupakan antara aspek penting dalam membantu murid-murid berkeperluan pendidikan khas ini untuk menerima pendidikan yang berkualiti seawal usia 5-6 tahun lagi. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru prasekolah terhadap murid berkeperluan pendidikan khas. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Sampel bagi kajian ini adalah terdiri daripada 80 orang guru prasekolah di daerah Kota Tinggi yang dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang di adaptasi daripada Senarai Semak Penerimaan Kepelbagaian yang kemudiannya diedarkan kepada responden melalui Google Form. Data yang diterima dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) dan diterjemahkan di dalam bentuk frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai. Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru prasekolah terhadap murid-murid berkeperluan pendidikan khas adalah sederhana tinggi. Hasil daripada kajian ini dapat membantu memberikan maklumat mengenai kepentingan tahap pengetahuan guru prasekolah terhadap murid-murid berkeperluan pendidikan khas. Kesimpulannya, guru prasekolah haruslah berusaha dalam meningkatkan lagi tahap pengetahuan mereka agar dapat membantu menggalakkan lagi perkembangan murid-murid berkeperluan pendidikan khas ini semenjak peringkat prasekolah lagi.

Kata Kunci: Prasekolah, Murid-Murid Berkeperluan Pendidikan Khas, Pengetahuan

Abstract: Preschool education is a rudimentary education for all individuals including pupils with special educational needs. Hence, the knowledge of preschool teachers is one of the essential aspects in helping pupils with special education need to obtain eminence education as early as 5-6 years old. The purpose of this study is to identify the level of knowledge of preschool teachers towards the pupils with special education needs. This study is a quantitative study that uses a survey research design. The sample for this study comprised of 80 preschool teachers in the Kota Tinggi district who were selected through a simple random sampling technique. This study used a modified questionnaire instrument from Diversity Acceptance Checklist which was then distributed to the sample via Google Form. The data received was analysed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS) software and translated in the form of frequency, percentage, mean and standard deviation. The results of the study show that the level of knowledge of preschool teachers towards students with special education

needs is moderately high. The results of this study can help provide the information on the importance of level of knowledge of preschool teachers towards pupils with special education needs. In conclusion, preschool teachers should strive to improve their level of knowledge to help promote the development of pupils with special education needs since the preschool level.

Keywords: Preschool, Pupils with Special Educational Needs, Knowledge

1. Pengenalan

Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan sekitar satu billion individu mengalami beberapa jenis masalah ketidakupayaan dan daripada jumlah itu adalah dianggarkan sebanyak 93 hingga 150 juta terdiri daripada kanak-kanak (Ruwaida & Aliza, 2020). Dapatan yang diperoleh ini menandakan terdapat ramai kanak-kanak di seluruh dunia yang dikesan mempunyai keistimewaan. Rentetan daripada situasi ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merangka bagi menyediakan peluang pendidikan untuk kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas ini semenjak peringkat prasekolah lagi. Sehubungan dengan itu, guru prasekolah merupakan antara golongan yang bertanggungjawab dalam membantu menggalakkan lagi perkembangan murid-murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) ini pada peringkat prasekolah. Kejayaan guru membantu MBPK ini juga bergantung kepada pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK.

Walaupun guru prasekolah menyedari peranan dalam membantu menyediakan peluang pendidikan untuk MBPK ini dilaksanakan semenjak peringkat prasekolah lagi, namun demikian, terdapat faktor yang menghalang daripada peranan itu dapat dilaksanakan dengan baik. Pengetahuan guru terhadap MBPK ini menjadi faktor penghalang bagi merealisasikan hasrat pendidikan untuk semua ini dilaksanakan dengan baik. Mengikut kajian yang dilaksanakan oleh Mariswanie (2018), negara ini masih mengalami kekurangan guru yang cekap untuk mengenal pasti murid yang mempunyai atau berisiko bermasalah pembelajaran. Kekurangan tahap pengetahuan guru dalam mengenal pasti ciri berkeperluan pendidikan khas ini menyebabkan guru tidak dapat mengajar murid-murid tersebut dengan sebaik mungkin.

Selain itu, kajian yang dilaksanakan oleh Sari Rudiwati, Mumpuniarti dan Pujaningsih (2017), turut menyatakan bahawa guru yang mempunyai pengetahuan terhad mengenai ciri-ciri murid dengan masalah pembelajaran mengalami masalah untuk menangani murid tersebut dalam kelas. Hal ini disebabkan, guru kekurangan pengetahuan yang praktikal untuk membantu MBPK ini. Murid-murid ini seharusnya diberikan bimbingan yang lebih daripada guru berbanding murid-murid normal yang lain. Namun, kebanyakan guru tidak membantu dan memberi bimbingan yang sepatutnya kepada MBPK ini sehingga menyebabkan mereka lebih ketinggalan berbanding murid-murid lain. Oleh itu, jelaslah bahawa masalah guru yang kurang pengetahuan mengenai ciri-ciri MBPK ini menyebabkan murid-murid ini tidak mendapat peluang pendidikan sepenuhnya daripada guru.

Seterusnya, masalah guru yang mempunyai kurang pengetahuan memberi kesan kepada pembelajaran dan emosi murid yang mempunyai ciri-ciri masalah pembelajaran (Nusaibah & Aliza 2020). Hal ini disebabkan, guru tidak memahami keistimewaan yang terdapat pada murid tersebut. Tambahan pula, guru yang kurang berpengetahuan tentang ciri-ciri masalah pembelajaran turut menghadapi masalah untuk mencari dan menggunakan strategi pembelajaran yang bersesuaian untuk murid tersebut (Ghimire 2017). Pengetahuan guru merancang dan menggunakan strategi pembelajaran yang bersesuaian amat penting kerana

MBPK ada cara untuk belajar yang tersendiri. Apabila guru tidak menggunakan strategi yang sesuai, MBPK akan sukar memahami apa yang ingin cuba disampaikan oleh guru. Oleh itu, jelaslah bahawa tahap pengetahuan guru prasekolah yang kurang berkaitan dengan MBPK merupakan antara isu yang timbul dalam sistem pendidikan masa kini.

Kesimpulannya, permasalahan kekurangan pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK ini menjadi faktor yang menghalang daripada guru prasekolah melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran bersama MBPK. Berdasarkan permasalahan kajian yang telah diketengahkan, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK. Objektif kajian yang digunakan bagi kajian ini pula adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK. Walaupun banyak kajian yang berkaitan pengetahuan terhadap MBPK ini telah banyak dilaksanakan, namun, kajian yang melibatkan guru prasekolah masih lagi kurang dilaksanakan. Justeru itu, kajian ini akan lebih memfokuskan kepada pengetahuan guru prasekolah bagi membantu memberikan maklumat yang berkaitan dengan pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK.

2. Tinjauan Literatur

Pendidikan di Malaysia merupakan satu usaha yang berterusan ke arah membangunkan potensi individu secara holistik dan bersepadu bagi mewujudkan individu yang seimbang dan harmoni dalam aspek intelek, sosial, emosi dan fizikal (Nurul Izzah & Hazhari, 2020). Oleh itu, selari dengan hasrat falsafah pendidikan kebangsaan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menekankan konsep pendidikan untuk semua. Konsep pendidikan untuk semua ini turut diberi penekanan seawal peringkat prasekolah lagi. Justeru itu, pengetahuan guru mengenai MBPK ini merupakan antara aspek penting dalam membantu murid-murid ini menerima pendidikan yang berkualiti tinggi semenjak peringkat prasekolah lagi.

Menurut Hashimah et. al (2020), pengetahuan guru adalah penting bagi tujuan menyampaikan isi kandungan bersesuaian dengan kemampuan MBPK. Seperti kita sedia maklum, MBPK ini mempunyai kemampuan yang berbeza berbanding murid-murid yang lain. Oleh itu, guru haruslah mempunyai pengetahuan bagaimana untuk menyampaikan sesuatu isi kandungan pembelajaran itu sesuai dengan tahap dan kemampuan MBPK. Hal ini turut disokong oleh Muhamad Hafizan dan Anuar (2017), di mana, penguasaan pengetahuan isi kandungan yang rendah sudah pasti akan memberi kesan negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran MBPK. Kekurangan pengetahuan guru menjejaskan proses pembelajaran kerana guru tidak memahami dan mengetahui tahap kemampuan MBPK lalu memaksa mereka untuk mempelajari sesuatu isi kandungan yang lebih daripada kemampuan. Justeru itu, pengetahuan guru yang kurang dalam menyampaikan sesuatu isi kandungan ternyata dapat memberikan kesan yang negatif terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran MBPK.

Alfaro, Kupczynski dan Mundy (2015), di dalam kajiannya menyatakan bahawa meningkatkan pengetahuan guru dalam strategi dan pengetahuan tentang pendidikan inklusif boleh membantu guru berasa lebih bersedia untuk bekerja dengan pelajar kurang upaya. Hal ini disebabkan, dengan meningkatkan pengetahuan guru dapat membantu guru untuk lebih memahami dan memilih strategi pembelajaran yang bersesuaian untuk digunakan bersama MBPK. Selain itu guru yang mempunyai pengetahuan yang baik, dapat mengaplikasikannya dalam bentuk pengajaran dalam bilik darjah (Hifzan & Kamarulzaman 2022). Bentuk pengajaran yang guru berpengetahuan ada juga akan lebih baik berbanding guru yang kurang berpengetahuan.

Malahan guru yang berpengetahuan juga akan dapat merancang dan melaksanakan bentuk pengajaran yang lebih bermakna berbanding guru yang kurang berpengetahuan.

Seterusnya, kekurangan pengetahuan juga menyebabkan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mengikut kaedah sendiri (Mazarul et. al. 2022). Hal ini disebabkan guru tidak mengetahui kaedah yang bersesuaian untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Kekurangan pengetahuan ini juga mengakibatkan guru lebih selesa untuk menggunakan kaedah pengajaran yang sendiri tanpa memikirkan sama ada kaedah pengajaran tersebut sesuai atau tidak digunakan untuk murid-murid terutamanya MBPK. Di samping itu, kurang pengetahuan guru pendidikan khas terhadap bahan bantu mengajar menyebabkan guru jarang mengaplikasikannya dalam pengajaran dan kekurangan sumber maklumat menyebabkan bahan bantu mengajar yang digunakan tidak sesuai terutama bagi MBPK (Mohd Faez et al. 2016). Dengan itu, kekurangan pengetahuan guru ini ternyata dapat menyebabkan guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran mengikut kaedah dan bahan bantu mengajar yang tersendiri yang ternyata tidak bersesuaian dengan MBPK.

Kajian mendapati tahap pengetahuan dan kesedaran tentang masalah pembelajaran adalah rendah dalam kalangan guru sekolah rendah (Mary et. al. 2020). Kebanyakan guru juga hanya mendengar tentang murid-murid berkeperluan khas, tetapi tahap pengetahuan dan kefahaman mereka terhadap murid-murid berkeperluan khas masih rendah (Mariani, Shazia & Sombuling 2017). Situasi ini amat membimbangkan kerana pengetahuan dan kesedaran guru tentang murid-murid berkeperluan khas ini merupakan antara faktor yang dapat membantu menjayakan program pendidikan untuk MBPK. Pengetahuan dan kesedaran yang kurang dalam diri guru juga akan membuatkan guru sukar untuk mengenal pasti masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid-murid. Oleh itu, pengetahuan dan kesedaran guru terhadap masalah pembelajaran MBPK yang tinggi amatlah penting bagi membolehkan proses pengajaran guru berjalan dengan lancar dan berkesan.

Menurut Siti Fatimah dan Mustafa (2018), guru kelas atau mata pelajaran menghadapi kesukaran untuk memahami keperluan murid-murid berkeperluan khas semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Seperti kita sedia maklum, memenuhi keperluan murid-murid amatlah penting bagi membolehkan murid-murid belajar dengan lebih bermakna. Kajian Cretu dan Morandau (2020) turut mencadangkan bahawa guru mesti belajar untuk memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai, termasuk mereka yang mempunyai keperluan pembelajaran khusus dan mereka yang kurang upaya. Dengan memenuhi keperluan pembelajaran yang diperlukan oleh murid-murid dapat membimbing mereka belajar dengan lebih berkesan serta meningkatkan lagi prestasi mereka di dalam pembelajaran. Oleh itu, guru haruslah mempunyai pengetahuan dan kesedaran yang tinggi tentang masalah dan keperluan pembelajaran murid-murid agar sesi pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Seterusnya, pengetahuan tentang ciri-ciri murid-murid berkeperluan khas, tingkah laku, masalah kurang upaya, kekurangan dan kelebihan mereka adalah penting dalam pengajaran dan pembelajaran guru dan murid dalam kelas (Pau & Mohd Hanafi 2021). Pengetahuan dan pemahaman yang mendalam mengenai murid-murid berkeperluan khas adalah penting bagi memudahkan guru mengajar. Pemahaman yang positif terhadap murid-murid berkeperluan khas juga dapat mengurangkan perasaan kurang selesa guru aliran perdana semasa menjalankan pengajaran di dalam kelas (Stemberger & Kiswarday 2017). Lantaran itu, pengetahuan dan pemahaman guru yang mendalam terhadap MBPK ini ternyata mampu

melahirkan keberhasilan kepada guru serta murid semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di kelas.

Menurut Yasmin dan Mohd Mokhtar (2021), guru perlu memainkan peranan untuk mengetahui murid yang mempunyai masalah dalam pembelajaran. Hal ini bagi membolehkan guru lebih memahami dan mengetahui cara yang berkesan untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bersama MBPK. Kajian yang dilaksanakan oleh Pau dan Mohd Hanafi (2021), turut menyatakan bahawa, kekurangan pengetahuan guru aliran perdana terhadap murid-murid berkeperluan khas dan program pendidikan inklusif boleh menimbulkan masalah iaitu guru mempunyai salah faham terhadap murid, guru berasa terkejut dengan tingkah laku murid, guru berasa kecewa terhadap murid, MBPK di diskriminasi dalam kelas aliran perdana dan MBPK tidak dapat menerima ilmu dengan berkesan. Berdasarkan dapatan kajian ini dapat kita fahami bahawa kekurangan pengetahuan guru menyebabkan guru salah faham dan berasa terkejut dengan tingkah laku MBPK. Justeru itu, kekurangan pengetahuan guru terhadap MBPK ini ternyata menimbulkan banyak masalah yang dapat mempengaruhi keberkesanan guru untuk menyampaikan ilmu dengan berkesan.

Kekurangan pengetahuan guru juga turut dapat menimbulkan rasa kebimbangan dalam diri guru untuk mengajar murid-murid berkeperluan khas. Hal ini disokong oleh Siti Fatimah dan Mustafa (2018) di mana, kebanyakan guru yang terlibat dalam pendidikan khas bimbang kerana mereka kekurangan pengetahuan dan latihan tentang pendidikan khas. Perasaan bimbang untuk mengajar MBPK sedikit sebanyak dapat menghalang guru untuk melaksanakan sesi pengajaran bersama MBPK dengan baik. Dengan itu, guru perlu diberikan pengetahuan yang mencukupi bagi membantu guru untuk mengatasi perasaan bimbang untuk mengajar MBPK.

Menurut Tita Tri Utami Dewi, Sri Tiatri dan Heni Mularsih (2020), seseorang guru harus memiliki pengetahuan mengenai murid-murid berkeperluan khas dan melaksanakan rancangan pengajaran yang disesuaikan dengan keperluan murid-murid berkeperluan khas dengan merujuk kepada kurikulum yang sesuai. Hal ini membuktikan bahawa guru perlulah mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai MBPK agar guru dapat melaksanakan sesi pengajaran yang sesuai dengan keperluan murid-murid tersebut. Guru juga perlu merancang rancangan perancangan yang sesuai dengan tahap dan keistimewaan yang dipunyai MBPK mengikut kurikulum khas yang telah dirangka untuk mereka. Oleh itu, seseorang guru mestilah memiliki pengetahuan yang mencukupi supaya mampu merancang dan melaksanakan sesi pembelajaran yang bermakna untuk MBPK.

Akhir sekali, berdasarkan kajian penyelidikan yang dilakukan oleh para pengkaji tentang pengetahuan guru terhadap MBPK, jelas menunjukkan bahawa pengetahuan guru yang tinggi terhadap MBPK merupakan salah satu kualiti penting yang perlu dimiliki oleh guru. Sekiranya guru tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai MBPK akan menimbulkan pelbagai masalah kepada guru dan murid-murid tersebut yang akhirnya dapat mendatangkan kesan yang negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru. Lantaran itu, guru haruslah sentiasa mempunyai pengetahuan yang mencukupi terhadap MBPK agar sesi pembelajaran yang guru laksanakan dapat memberikan manfaat kepada guru dan MBPK.

3. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah kajian tinjauan. Kajian tinjauan digunakan bagi membolehkan pengkaji mengumpulkan maklumat yang terperinci mengenai tahap pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK. Kajian tinjauan ini juga dipilih untuk dijadikan sebagai reka bentuk kajian ini kerana ia bersesuaian dengan tujuan dan objektif yang dilakukan. Kajian tinjauan ini juga dipilih kerana dapat membantu mengumpul data dan maklumat bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan di dalam kajian ini.

Selain itu, populasi di dalam kajian ini adalah melibatkan guru prasekolah yang mengajar di daerah Kota Tinggi. Kajian ini juga memilih sampel dengan menggunakan kaedah pensampelan secara rawak mudah. Kaedah pensampelan rawak mudah ini membolehkan kualiti sampel tidak terjejas kerana setiap ahli mempunyai peluang yang sama untuk dipilih dalam sampel (Bhardwaj, 2019).

Seterusnya, jumlah sampel yang dipilih untuk melaksanakan kajian ini adalah berdasarkan Jadual Penentu Saiz Sampel Cohen, Manion dan Marrison (2001). Pemilihan sampel ini dipilih dengan mengambil kira populasi yang paling hampir atau yang lebih tinggi berdasarkan jadual tersebut. Justeru itu, kajian ini akan melibatkan seramai 80 orang guru prasekolah di daerah Kota Tinggi, Johor. Hasil analisis demografi responden boleh dilihat di dalam Jadual 1.

Jadual 1: Demografi responden

Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	10	12.5
Perempuan	70	87.5
Umur		
18 – 25 tahun	1	1.3
26 – 35 tahun	39	48.8
36 - 45 tahun	28	35.0
46 tahun ke atas	12	15.0
Lokasi Sekolah		
Bandar	15	18.8
Luar bandar	65	81.3
Kelayakan Akademik		
Diploma	3	3.8
Ijazah Sarjana Muda	74	92.5
Lain-lain	3	3.8
Pengalaman Mengajar		
kurang 5 tahun	8	10.0
5 hingga 10 tahun	37	46.3
10 tahun ke atas	35	43.8
Pengkhususan		
Pendidikan Prasekolah / Pendidikan Awal Kanak-kanak	72	90.0
Lain-lain	8	10.0

Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik yang digunakan di adaptasi daripada Senarai Semak Penerimaan Kepelbagaian (Khalsa & Miyake, 2006). Borang soal selidik ini juga mempunyai kebolehpercayaan serta kesahan instrumen yang tinggi di mana nilai alpha Cronbach bagi soal selidik tersebut adalah 0.974. Berdasarkan model pengukuran Rasch, skor nilai Alpha Cronbach yang boleh diterima adalah 0.71-0.99 (Bond & Fox, 2015). Oleh itu, soal selidik ini digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini kerana soal selidik ini mempunyai nilai alpha Cronbach yang tinggi.

Di samping itu, soal selidik ini digunakan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan guru terhadap MBPK. Borang soal selidik ini menggunakan nilai skala Likert 1 hingga 5. Skor 1 digunakan bagi menunjukkan sangat tidak setuju (STS), skor 2 bagi menunjukkan tidak setuju (TS), skor 3 bagi menunjukkan tidak pasti (TP), skor 4 bagi menunjukkan setuju (S) dan skor 5 untuk menunjukkan sangat setuju (SS). Selain itu, set soal selidik yang dibina mempunyai dua bahagian iaitu A dan B. Bahagian A adalah merupakan maklumat berkaitan dengan demografi responden. Manakala, Bahagian B pada borang soal selidik di dalam kajian ini pula merupakan item berkaitan dengan pengetahuan guru prasekolah. Terdapat 10 item pada bahagian ini dan item-item tersebut dihasilkan dengan meliputi aspek afektif, tingkah laku dan kognitif. Bagi item di dalam bahagian B ini, responden hanya perlu memilih jawapan yang sesuai berdasarkan skala likert.

Prosedur Pengumpulan dan Analisis Data

Data bagi kajian ini dikumpul dengan menggunakan borang soal selidik yang dirangka dengan menggunakan *Google Form*. Borang soal selidik tersebut diedarkan kepada guru-guru prasekolah daerah Kota Tinggi selepas mendapat kebenaran daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Kota Tinggi. Tempoh masa selama dua minggu diberikan kepada sampel kajian untuk melengkapkan butiran-butiran soal selidik yang diberikan. Selepas dua minggu, borang soal selidik yang diberikan akan dikumpulkan dan semua data yang diperoleh daripada borang soal selidik tersebut dimasukkan ke dalam perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) untuk diproses dan dianalisis.

Selepas itu, pengkaji menggunakan perisian SPSS untuk menganalisis data yang diperoleh dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif. Analisis deskriptif digunakan bagi menganalisis data-data yang diperoleh pada bahagian demografi responden. Data-data yang diperoleh pada bahagian demografi responden ini dianalisis dan kemudiannya diterjemahkan sebagai kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai.

Seterusnya, pengkaji juga akan menganalisis data yang diperoleh daripada bahagian B. Pengkaji menggunakan analisis deskriptif bagi mengetahui aspek pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK. Pengkaji juga menterjemahkan data yang diperoleh di kedua-dua bahagian ini dalam bentuk kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Pengkaji juga melakukan interpretasi min bagi keseluruhan aspek sikap guru prasekolah. Interpretasi skor min bagi kajian ini adalah seperti yang dicadangkan oleh Ghazali dan Sufean (2016) yang boleh dilihat di dalam Jadual 2. Akhir sekali, pengkaji akan menguraikan dapatan yang diperoleh dengan jelas dan terperinci di dalam kajian ini.

Jadual 2: Intrepetasi skor min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah

3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Ghazali dan Sufean 2016

4. Dapatan

Seramai 80 orang responden telah menyertai kajian ini dengan melengkapkan soal selidik yang diberikan. Hasil analisis tahap pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK adalah seperti di Jadual 1.3. Analisis dilakukan terhadap setiap item pada bahagian B iaitu item B1 sehingga item B11. Hasil analisis setiap item boleh dilihat di dalam Jadual 1.3. Selain itu, berdasarkan analisis yang dilakukan, min keseluruhan bagi aspek pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK ini ialah 3.46. Manakala sisihan piawai bagi aspek sikap guru prasekolah terhadap MBPK ini ialah 0.649. Hasil analisis juga mendapati interpretasi min bagi soal selidik yang dijalankan untuk tahap pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK ini adalah berada pada tahap sederhana tinggi.

Berdasarkan Jadual 1.3, majoriti responden iaitu 51 responden (63.7%) bersetuju dengan item B1. Sebahagian responden pula iaitu seramai 29 responden (36.3%) menyatakan sangat setuju pada item B1. Kemudian, bagi item B2 pula, majoriti responden iaitu sebanyak 56 responden (70.0%) memilih setuju bagi item B2 ini. Manakala, terdapat persamaan jumlah responden iaitu sebanyak 12 responden (15.0%) memilih pilihan jawapan tidak pasti dan sangat setuju bagi item B2.

Akhir sekali, berdasarkan Jadual 1.3, hasil analisis data ini juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden memilih pilihan jawapan tidak pasti bagi item B5 iaitu sejumlah 37 responden (46.3%). Manakala, terdapat 23 orang guru prasekolah (28.7%) memilih jawapan setuju dan 13 (16.3%) memilih jawapan tidak setuju bagi item B5. Bagi pilihan jawapan sangat tidak setuju pula, terdapat 4 responden (5.0%) memilih pilihan jawapan tersebut dan bagi sangat setuju pula, terdapat 3 responden (3.8%) yang memilih pilihan jawapan tersebut bagi item B5 ini.

Jadual 3: Pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK

Bil	Item	n (%)				
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
B1	Saya faham apa itu definisi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK).	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	51 (63.7%)	29 (36.3%)
B2	Saya berupaya mengenal pasti ciri-ciri murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) (contoh: bermasalah penglihatan, pendengaran, autisme dan lain-lain).	0 (0%)	0 (0%)	12 (15.0%)	56 (70.0%)	12 (15.0%)
B3	Saya berupaya mengenal pasti permasalahan atau kategori ketidakupayaan yang dialami oleh murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK).	1 (1.3%)	2 (2.5%)	25 (31.3%)	40 (50.0%)	12 (15.0%)
B4	Saya mempunyai pengetahuan tentang kurikulum murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) di peringkat prasekolah.	4 (5.0%)	14 (17.5%)	29 (36.3%)	25 (31.3%)	8 (10.0%)
B5	Saya tahu tentang amalan pedagogi yang sesuai untuk MBPK.	4 (5.0%)	13 (16.3%)	37 (46.3%)	23 (28.7%)	3 (3.8%)
B6		4	9	31	29	7

	Saya tahu tentang dasar pendidikan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk MBPK.	(5.0%)	(11.3%)	(38.8%)	(36.3%)	(8.8%)
B7	Saya tahu untuk memilih penyesuaian dan modifikasi yang sesuai dengan aktiviti, kurikulum, dan bahan pengajaran terhadap pelbagai kategori MBPK.	6	13	32	26	3
		(7.5%)	(16.3%)	(40.0%)	(32.5%)	(3.8%)
B8	Saya tahu tentang strategi menyusun atur persekitaran yang sesuai untuk memenuhi keperluan semua murid termasuklah murid berkeperluan pendidikan khas.	4	8	38	24	6
		(5.0%)	(10.0%)	(47.5%)	(30.0%)	(7.5%)
B9	Saya mengetahui komponen pengurusan tingkah laku dalam Kurikulum Pendidikan Khas.	5	15	38	19	3
		(6.3%)	(18.8%)	(47.5%)	(23.8%)	(3.8%)
B10	Saya mengetahui matlamat dan objektif pengurusan tingkah laku terhadap murid.	4	10	25	37	4
		(5.0%)	(12.5%)	(31.3%)	(46.3%)	(5.0%)
B11	Saya berkebolehan menggunakan ICT dengan baik bagi memudahkan sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) MBPK.	2	6	22	39	11
		(2.5%)	(7.5%)	(27.5%)	(48.8%)	(13.8%)

5. Perbincangan

Rumusan analisis mendapati tahap pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini bermaksud guru-guru prasekolah mempunyai pengetahuan mengenai MBPK. Hasil dapatan ini selari dengan kajian Nirmala Palaniandy dan Mohd Hanafi (2021), di mana hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru adalah pada tahap sederhana. Pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK amat penting kerana guru adalah merupakan individu yang melaksanakan proses pengajaran bersama murid. Sekiranya guru mempunyai pengetahuan yang mencukupi, guru dapat melaksanakan proses pengajaran yang sesuai mengikut keperluan MBPK ini.

Selain, hasil dapatan kajian Alahmadi dan Keshky (2019) turut mendapat hasil yang sama di mana majoriti guru sekolah rendah mempunyai pengetahuan yang sederhana tentang masalah. Hasil dapatan ini membuktikan lagi guru ternyata mempunyai pengetahuan yang baik mengenai MBPK. Pengetahuan guru ini amat penting kerana, kebiasaannya, guru merupakan individu utama dalam mengenal pasti kanak-kanak yang memerlukan pendidikan yang khas (Smith & Smith 2014). Dengan pengetahuan guru dalam mengenal pasti kanak-kanak ini dapat membantu mereka mendapat bantuan awal bagi membolehkan mereka belajar dalam persekitaran pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan mereka. Oleh itu, pengetahuan guru penting dalam proses mengenal pasti masalah pembelajaran sebenar yang dihadapi oleh kanak-kanak (Shari & Vranda, 2015).

Seterusnya, berdasarkan analisis yang dilakukan, di dapati majoriti guru mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam memahami apa itu definisi murid-murid berkeperluan pendidikan khas. Hal ini dapat dilihat melalui peratusan yang paling tinggi sangat setuju yang dipilih pada item tersebut. Melalui hal ini dapat kita fahami bahawa guru-guru sememangnya memahami apa itu definisi MBPK dengan baik. Hal ini mungkin disebabkan terdapat banyak sekolah di daerah ini yang mempunyai kelas pendidikan khas yang dapat membuatkan guru lebih memahami dan berkomunikasi secara tidak langsung bersama MBPK di sekolah mereka. Dengan komunikasi yang sering berlaku di sekolah, guru juga berpeluang untuk lebih mengenali dan memberi sokongan kepada murid-murid tersebut kerana apabila terdapat hubungan bersemuka antara guru dan murid-murid berkeperluan khas, maka murid-murid ini

akan mendapat sokongan yang diperlukan (Holmberg & Jeyaprathaban 2016). Dengan komunikasi yang dilakukan ini juga secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan tahap pengetahuan guru mengenai MBPK. Tahap pengetahuan guru yang tinggi ini amat penting kerana guru memainkan peranan penting dalam mengenal pasti kanak-kanak bermasalah pembelajaran (Ghimire, 2017). Oleh itu, pengetahuan guru-guru prasekolah dalam memahami definisi murid-murid bekeperluan pendidikan khas di dalam kajian ini sedikit-sebanyak dapat membantu guru dalam memahami keperluan dan memberi sokongan kepada murid-murid bekeperluan pendidikan khas.

Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan guru berada pada tahap sederhana tinggi, namun demikian, dapatan ini tidak sama seperti dengan kajian yang dijalankan oleh Suhaily dan Siti Syuhadah (2014) di mana, hasil kajian menunjukkan skor yang rendah bagi item pengetahuan mengenali ciri-ciri kanak-kanak bekeperluan khas. Tambahan pula, satu kajian yang telah dijalankan oleh Mariani, Shazia dan Agnis (2017) mendapati 78% guru menyatakan mereka pernah mendengar mengenai murid bermasalah pembelajaran, tetapi tidak semua dari mereka memahami serta mengetahui ciri-ciri murid berikut. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat juga guru yang mempunyai tahap pengetahuan yang rendah terhadap murid-murid bekeperluan khas. Pengetahuan pedagogi guru yang rendah telah mengakibatkan mereka menghadapi banyak masalah dalam proses pengajaran mereka (Siti Fatimah & Mustafa 2018). Oleh itu, bagi membolehkan proses pengajaran belangsung dengan baik, guru seharusnya mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap MBPK.

Seterusnya, berdasarkan analisis yang dilakukan, di dapati majoriti guru di dalam kajian ini mempunyai pengetahuan yang rendah dalam memilih penyesuaian dan modifikasi yang sesuai dengan aktiviti, kurikulum, dan bahan pengajaran terhadap pelbagai kategori murid-murid bekeperluan khas. Hal ini dapat dilihat melalui peratusan yang paling tinggi sangat tidak setuju yang dipilih pada item tersebut. Pengetahuan yang rendah dalam memilih bahan dan aktiviti yang sesuai untuk akan meyakinkan guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran MBPK. Hal ini disebabkan tanggungjawab utama seseorang guru adalah untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang berjaya untuk murid-murid tanpa mengira ketidakupayaan mereka, bagi membolehkan mereka mencapai matlamat untuk masa depan yang cemerlang (Tony, 2019). Tambahan pula, guru juga perlu menggunakan pelbagai kaedah untuk memenuhi keperluan pembelajaran individu kerana sesetengah pelajar mungkin tidak dapat belajar melalui kaedah yang sama (Gyasi, Okrah & Anku 2020). Guru juga perlu menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar yang kreatif dan inovatif bagi merangsang multisensori murid untuk membantu pembelajaran MBK itu sendiri (Noor Syahira & Mohd Mokhtar 2022). Oleh itu, bagi membantu guru dalam meningkatkan lagi pengetahuan mereka perlu ada elemen keperluan pendidikan khas dalam semua kursus latihan perguruan awal yang akan melayakkan mereka memahami tanggungjawab mereka di bawah kod amalan keperluan pendidikan khas (Mensah, Gyamfi & Agbezudor 2022).

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK ini merupakan antara aspek yang penting dalam memastikan kejayaan untuk pendidikan untuk semua seperti yang dihasratkan oleh KPM. Oleh itu, guru prasekolah haruslah sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi pengetahuan mereka terhadap MBPK. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut memainkan peranan dalam mengadakan bengkel dan kursus untuk menggalakkan lagi peningkatan tahap pengetahuan guru prasekolah. Selain itu, hasil kajian ini juga diharap dapat membantu memberikan pendedahan kepada guru prasekolah dalam menilai

sejauh mana tahap pengetahuan mereka terhadap MBPK. Kajian ini juga dapat membantu memberi kesedaran kepada guru prasekolah mengenai kepentingan pengetahuan guru prasekolah terhadap MBPK. Sehubungan dengan itu, bagi kajian lanjutan, dicadangkan untuk dilaksanakan dengan menggunakan responden guru prasekolah di daerah lain dan melaksanakan kajian dengan melibatkan aspek lain seperti kemahiran dan amalan guru prasekolah terhadap MBPK.

Rujukan

- Alahmadi, N. A. & Keshky, M. E. S. E. (2019). Assessing Primary School Teachers's Knowledge of Specific Learning Disabilities in the Kingdom of Saudi Arabia. *Journal of Educational and Developmental Psychology* 9(1), 1-9.
- Alfaro, V., Kupczynski, K. & Mundy, M. A. (2015). The relationship between teacher knowledge and skills and teacher attitude towards students with disabilities among elementary, middle, and high school teachers in rural Texas schools. *Journal of Instructional Pedagogies* 16, 1-8.
- Bhardwaj, P. (2019). Types of sampling in research. *Journal of the Practice of Cardiovascular Sciences* 5, 157-163.
- Bond, T. G. & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences*. London: Routledge.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2001). *Research Methods in Education* (5th ed.). Oxford: Routledge Falmer Publisher.
- Cretu, D. M. & Morandau, F. (2020). Initial teacher education for inclusive education: a bibliometric analysis of educational research. *Sustainability* 12(12), 1-27.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ghimire, S. (2017). Knowledge of primary school teacher regarding learning disabilities in school children. *Journal of Nobel Medical College* 6(1), 29-35.
- Gyasi, M. N. K., Okrah, A. K., & Anku, J. S. A. (2020). Teachers' knowledge of special educational needs and disability students and their classroom management approaches. *World Journal of Education* 10(4), 160-172.
- Hashimah Hussein, Suppiah Nachiappan, Md Nasir Masran & Syaza Syafeeqah Mohammad Khasnan. (2020). Analisis pemupukan kemahiran berfikir dalam kalangan murid prasekolah pendidikan khas masalah pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* 9(2), 34-47.
- Hifzan Mat Hussin & Kamarulzaman Abdul Ghani. (2022). Pengetahuan dan kemahiran guru pendidikan islam pendidikan khas masalah pendengaran dalam pengajaran iqra'. *International Conference on Teacher Education*, 133-149.
- Holmberg, J. B., & Jeyaprathaban, S. (2016). Effective practice in inclusive and special needs education. *International Journal Of Special Education* 31(1), 119-134.
- Khalsa, S.S. & Miyake, Y. (2006). *Inclusive Classroom: A Practical Guide for Educators*. Tucson: Good Year Books.
- Mariani Majin, Shazia Iqbal Hashmi & Agnis Sombuling. (2017). Kesedaran guru di Kota Kinabalu, Sabah dalam pengetahuan dan persepsi terhadap autism spectrum disorder (ASD). *Jurnal Psikologi Malaysia* 31(3), 56-63.
- Mary Minolin, Meena, Beautily & U Karthikeyan. (2020). A study to assess the knowledge, attitude and compliance regarding specific learning disabilities (SPLD) among school teachers. *International Journal of Academic Research and Development* 5(2), 20-22.

- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria, Norida Basran & Kama Shaffei. (2022). Tahap pengetahuan guru aliran perdana dalam pelaksanaan program pendidikan inklusif sekolah Rendah di Sabak Bernam. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(1), 512-518.
- Mensah, P. A., Gyamfi, A., & Agbezudor, T. (2022). The teacher's knowledge about special needs learners: a fundamental element for the implementation of inclusive education. *International Journal of Arts and Social Science* 5(7), 1-10.
- Mohd Faez Ilias, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, Zetty Nurzuliana Rashed & Murihah Abdullah. (2016). Sumber bahan bantu mengajar dalam kalangan guru pendidikan Islam sekolah bestari. *E-Academia Journal UiTMT* 5(2), 106-114.
- Muhamad Hafizan Mohd Suhairi & Anuar Ahmad. (2017). Pengaruh pengetahuan isi kandungan terhadap aplikasi pengajaran yang berkesan dalam kalangan guru-guru Sejarah. *International Conference on Global Education V*, 2457-2473.
- Nirmala Palaniandy & Mohd Hanafi Mohd Yassin. (2021). Tahap kesediaan guru arus perdana terhadap pelaksanaan program pendidikan inklusif: tinjauan di Sekolah Menengah Daerah Gombak. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1), 633-644.
- Noor Syahira Jalaluddin & Mohd Mokhtar Tahar. (2022). Pelaksanaan Pendidikan Inklusif dalam kalangan Guru Arus Perdana. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7(2), 1-11.
- Nurul Izzah Yusof & Hazhari Ismail. (2020). Kekangan guru tadika untuk menerima kanak-kanak berkeperluan khas. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 9(2), 120-131.
- Nusaibah Wan Fatul & Aliza Alias. (2020). Pengetahuan guru prasekolah mengenai ciri-ciri murid masalah pembelajaran. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 4(2), 45-53.
- Pau Swee Lin & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2021). Pengetahuan dan sikap guru aliran perdana terhadap program pendidikan inklusif di daerah Sibul. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1), 515-529.
- Ruwaida Rosli & Aliza Alias. (2020). Pengetahuan guru pra sekolah terhadap ciri-ciri murid berkeperluan khas. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 4(2), 92-100.
- Sari Rudiayati, Mumpuniarti & Pujaningsih. (2017). Teacher's knowledge and experience dealing with students with learning disabilities in inclusive elementary school. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research* 66, 271-278.
- Shari, M., & Vranda, M. N. (2016). Attitude of primary school teachers towards children with learning disabilities. *Journal of Indian Association for Child and Adolescent Mental Health* 12(4), 323-335.
- Siti Fatimah Salleh & Mustafa Che Omar. (2018). Masalah pengajaran guru dalam program pendidikan inklusif di sekolah. *Asian People Journal* 1(2), 243-263.
- Smith, M. K., & Smith, K. E. (2014). "I believe in inclusion, but ..." regular education early childhood teachers' perceptions of successful inclusion. *Journal of Research in Childhood Education* 14(2), 161-180.
- Stemberger, T. & Kiswarday, V. R. (2018). Attitude towards inclusive education: the perspective of Slovenian preschool and primary school teachers. *European Journal of Special Needs Education* 33(1), 47-58.
- Suhaily Md Shamsudin & Siti Syuhada Abd Rahman. (2017). Public awareness on the characteristics of children with autism in Selangor. *Malaysian Online Journal of Education* 1(2), 73-81.
- Tita Tri Utami Dewi, Sri Tiatri & Heni Mularsih. (2020). Peran pengetahuan awal tentang anak berkebutuhan khusus dan efikasi guru terhadap sikap guru pada pendidikan inklusif. *Jurnal Muara Ilmu Sosial, Humaniora, dan Seni* 4(2), 304-314.
- Tony, M. P. (2019). *The Effectiveness of Assistive Technology to Support Children with Specific Learning Disabilities: Teacher Perspectives. A Systematic Literature Review. School of Education and Communication (HLK)*. [Tesis Sarjana, Jonkoping University].
- Yasmin Ahmad Fuad & Mohd Mokhtar Tahar. (2021). Tahap pengetahuan dan sikap guru aliran perdana dalam mengenal pasti murid bermasalah pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1), 696-706.